

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah maklum balas dari China selepas enam nota bantahan dikeluarkan pada tahun 2017, 2018 dan 2019 berkenaan pencerobohan Zon Maritim Malaysia dinyatakan dalam mukasurat 6-13, Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Kementerian / Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri secara konsisten telah menyampaikan bantahan-bantahan berkaitan dan mengulangi pendirian negara, sama ada secara lisan mahupun melalui Nota Diplomatik kepada kerajaan negara-negara yang mana kapal asing milik kerajaan negara tersebut didapati menceroboh perairan negara ini. Tindakan tersebut diambil selaras dengan undang-undang antarabangsa serta pendirian Malaysia.

3. Kerajaan China telah mengemukakan balasan kepada nota bantahan Malaysia tersebut. Kerajaan China antara lain mengulangi pendirian China berhubung tuntutan di Laut China Selatan serta menegaskan bahawa aktiviti yang dijalankan oleh Kerajaan China adalah selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung Undang-Undang Laut 1982 (*United Nations Convention on the Law of the Sea-UNCLOS 1982*).

4. Dalam hal ini, Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan negara-negara penuntut Laut China Selatan, termasuk China, apabila tuntutan tersebut melibatkan perairan negara berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979. Kerajaan Malaysia akan terus membantah sama ada melalui saluran diplomatik atau lisan dan pendirian negara ini juga disuarakan di platform-platform serantau dan antarabangsa.

5. Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta agensi berkaitan sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan Malaysia adalah kekal terpelihara. Sekian, terima kasih.